

KENYATAAN MEDIA

INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

**PENDAPAT PENGGUNA JALAN RAYA DIAMBIL KIRA:
KAJIAN PERSEPSI PENGGUNA JALAN RAYA TERHADAP
KEBOLEHLAKSANAAN PERKHIDMATAN TEKSI MOTOSIKAL DI MALAYSIA**

KAJANG, 28 OGOS – Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 21 Ogos 2019 telah bersetuju supaya perkhidmatan *ride-hailing* berasaskan motosikal dibenarkan untuk melaksanakan *Proof Of Concept* (POC) di Malaysia. Walaubagaimanapun seperti yang diumumkan, keputusan tersebut akan dimuktamadkan setelah kajian terhadap aspek-aspek penting lain dikaji terlebih dahulu.

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), telah dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Pengangkutan untuk menjalankan kajian bagi mengenal pasti tahap penerimaan pengguna jalan raya terhadap kebolehlaksanaan perkhidmatan teksi motosikal di negara ini yang meliputi aspek keselamatan jalan raya, perundangan, aliran trafik, ekonomi, keselamatan sosial, kesihatan, budaya serta peralihan mod pengangkutan.

Sehubungan dengan itu, suatu kajian yang bertajuk **Kajian Persepsi Pengguna Jalan Raya Terhadap Kebolehlaksanaan Perkhidmatan Teksi Motosikal** akan dijalankan oleh MIROS bermula pada **29 Ogos 2019 hingga 7 September 2019** secara atas talian di pautan <http://its.miros.gov.my/kajianteksimotosikal/>.

Hasil dapatan daripada kajian ini akan dibentangkan kepada Kementerian Pengangkutan bagi merangka mekanisme pelaksanaan perkhidmatan teksi motosikal di Malaysia.

Kumpulan sasaran bagi kajian ini adalah kepada penunggang motosikal dan orang awam. Oleh yang demikian, orang awam adalah dijemput untuk menyertai kajian ini bagi menyuarakan pendapat dan pandangan tentang pelaksanaan perkhidmatan teksi motosikal di Malaysia.

###

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: inquiry@miros.gov.my